

01/08/2001

Majlis Perancangan Fizikal tidak hilangkan kuasa negeri

KUALA LUMPUR, Selasa - Penubuhan Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 tidak akan menghilangkan kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam perancangan kedua-dua kawasan itu.

Malah, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata penubuhan majlis itu sebenarnya dibuat selepas kebanyakan Menteri Besar dan Ketua Menteri berpendapat perlu ada satu wadah untuk membolehkan semua ketua kerajaan negeri berbincang mengenai perkara yang membabitkan sempadan negeri lain.

Sehubungan itu, beliau menolak tanggapan pembangkang kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seolah-olah mahu mengambil alih kuasa perancangan bandar dan desa di negara ini menerusi penubuhan Majlis Perancangan Fizikal Negara.

"Sebenarnya Perdana Menteri langsung tidak mahu kuasa ini. Kalau boleh dia tidak mahu pun menjadi pengerusi majlis ini tetapi kementerian sudah mengkaji dan berunding dengan kerajaan negeri.

"Boleh dikatakan kebanyakan kerajaan negeri merasakan perlu ada satu majlis dianggotai semua Menteri Besar dan Ketua Menteri. Kalau Perdana Menteri tidak jadi pengerusi, tetapi menteri jadi pengerusi, saya boleh jangka hasilnya, Menteri Besar tidak hadir langsung. Itu dari segi kesesuaian (Perdana Menteri jadi pengerusi).

"Ini hanya majlis, bukan jawatankuasa yang beroperasi untuk membuat kerja. Ini hanya untuk mesyuarat supaya semua wakil negeri boleh sama-sama hadir berbincang perkara besar yang melintasi sempadan, bukan hal mengenai satu negeri. Ini hal negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan bacaan kali kedua rang undang-undang berkenaan.

Ketika perbahasan beberapa ahli pembangkang menyifatkan penubuhan Majlis Perancangan Fizikal Negara bererti Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat mengambil alih kuasa perancangan bandar dan desa dari kerajaan negeri dan PBT.

Ong turut membidas tanggapan sedemikian kerana katanya, kementeriannya sudah menghantar Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memberi taklimat kepada semua ketua kerajaan negeri, termasuk Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat.

"Saya rasa Menteri Besar Kelantan sendiri puas hati dengan pindaan ini. Kerana dengan ada majlis ini, memperkukuhkan lagi kerajaan ini. Majlis ini boleh atasi banyak masalah. Jangan buat perancangan sendiri. Nanti jalan pun tidak boleh disambung. Ini untuk kebaikan. Kenapa perkara ini dipolitikkan?" katanya.

Kepada soalan Lim Hock Seng (DAP-Bagan), beliau berkata, pindaan akta itu bertujuan mengelakkan masalah pembangunan tidak teratur di bandar serta kegiatan yang mengakibatkan masalah alam sekitar.

Selain itu, katanya, pindaan itu juga boleh memastikan kepentingan orang ramai diambil kira dalam perancangan pembangunan sesuatu kawasan yang dibuat PBT.

"Pindaan ini dibuat untuk memastikan kepentingan seseorang jiran diambilkira dalam aktiviti pembangunan. Jiran dalam konteks ini tidak terhad kepada pemilik tanah bersempadan sahaja.

"Ini selaras dengan Agenda Tempatan 21 yang diusahakan di seluruh dunia yang memberi penekanan mengenai kepentingan pembabitkan awam dalam aktiviti

perancangan," katanya.

Menurut Ong, takrif jiran dalam rang undang-undang itu meliputi tanah yang bersempadan, tanah yang terletak dalam lingkungan 20 meter dari sempadan tanah yang hendak dibangunkan serta tanah yang terletak dalam 200 meter dari tanah yang hendak dibangunkan jika ia terletak di jalan mati yang digunakan bersama oleh pemilik lain.

Katanya, takrif itu munasabah dan boleh mengatasi masalah bantahan seperti yang timbul selama ini apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan di sesuatu kawasan.

"Jika ada seorang dua yang mengemukakan bantahan yang tidak munasabah, pihak berkuasa boleh berperanan. Mereka akan mengambil kira kepentingan orang ramai. Jika ramai yang membantah, pihak berkuasa boleh mengikut keputusan ramai," katanya.

(END)